

03 AUG 2002

LID-HOTEL (BERGAMBAR)/I

PENGENDALI HOTEL DI LANGKAWI SAMBUT BAIK POTONGAN TAMBANG MAS

Oleh: Shanti Ayadurai

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Pengendali hotel di Langkawi menyambut baik keputusan Penerbangan Malaysia untuk menurunkan tambang penerbangan domestik sebanyak 50 peratus dan menganggapnya sebagai berita baik untuk mereka dan industri pelancongan dalam negara secara amnya.

Gordon Koh, pengurus besar hotel Helang Resort dan Langkasuka Resort di sini berkata tambang penerbangan yang baru itu akan menggalakkan perniagaan pelancongan di Langkawi dan menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan dan bebas cukai itu.

"Pelancong domestik dan serantau merupakan pelanggan utama kami sekarang dan dengan potongan tambang itu tentunya akan terus menggalakkan pelawat tempatan ke Langkawi," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

"Dari mula lagi, kami merupakan hotel yang beroreintasikan pelancong domestik dan serantau. Pasaran utama kami ialah rakyat tempatan dan pelancong Hong Kong, Taiwan, Jepun, Korea dan Singapura, terutamanya hotel Helang Resort.

"Walaupun kejadian 11 September telah menjejaskan kami secara amnya, terutamanya Langkasuka, yang sebelum ini menikmati peratusan yang baik daripada pelancong Eropah, ianya kembali meningkat kembali perlahan-lahan, dengan pelancong tempatan dan serantau lebih sekarang," kata beliau.

"Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mempromosikan Langkawi dan acara antarabangsa di sini seperti Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA), dad program di bawah Cuti-Cuti Malaysia telah menyumbang kepada operasi hotel di sini.

"Selain daripada acara utama yang membawa perniagaan kepad kami, kami juga mempunyai pelanggan tetap sama ada kumpulan pelancong yang dibawa masuk oleh agensi pelancongan luar negara yang mempunyai hubungan dengan kami serta pengembara musim cuti dan korporat atau kumpulan mesyuarat," kata Koh.

Perniagaan hotel di Langkawi kembali menunjukkan peningkatan sejak awal tahun ini, katanya sambil menambah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi sumbangan besar secara tidak langsung dalam menggalakkan pelancongan di pulau itu.

Buat masa ini, hotel-hotel Helang Resort dan Langkasuka Resort, yang diuruskan oleh Granite Hotels & Resorts Sdn Bhd, merupakan antara hotel yang mengambil bahagian dalam menyediakan penginapan kepada delegasi Dialog Antarabangsa Langkawai Global 2002, yang merangkumi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Kedua-dua hotel itu terletak berdekatan dengan Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi, terutamanya Helang, yang hanya bersebelahan.

Persediaan bagi Global 2002 LID bermula beberapa bulan lepas daripada menghiasi hotel hingga kepada latihan kakitangan untuk menyambut kedatangan delegasi ke hotel-hotel, kata Koh, yang mempunyai pengalaman lebih 33 tahun dalam industri perhotelan.

"Kami terlibat dalam menjaga delegasi dua LID sebelum ini dan kali ini merupakan kali ketiga. Jadi kami mempunyai pengalaman mengenai apa yang dikehendaki oleh delegasi LID," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata permintaan delegasi dari negara-negara Afrika seperti Zimbabwe, Botswana dan Tanzania adalah sama dengan yang lain -- "mereka mahukan keselesaan dan bilik yang bersih dengan sarapan pagi yang enak."

"Tentunya kami akan memastikanya sepanjang penginapan mereka dengan

kami," kata Koh lagi.  
-- BERNAMA  
SD SHY NHD